



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

PELAKSANAAN INSENTIF PENGECAULIAN LKM BAGI KENDERAAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU) DAN KENDERAAN ELEKTRIK DI BAWAH BAJET 2022

Selaras dengan pengumuman Kerajaan melalui Bajet 2022, saya dengan sukatanya mengumumkan bahawa Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia akan melaksanakan pemberian Insentif Pengecualian Bayaran Fi Lesen Kenderaan Motor (LKM) sepenuhnya melibatkan kategori kenderaan motor seperti berikut:-

KENDERAAN MOTOR ELEKTRIK (EV)

(i) Kenderaan Motor Elektrik melibatkan motokar yang dipacu oleh sumber elektrik (atau Electric Vehicle, EV) dengan tempoh pengecualian dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2025. Pengecualian fi LKM bagi EV hanyalah melibatkan kenderaan yang dipacu oleh sumber elektrik sepenuhnya sahaja, sama ada yang dikuasakan dengan Bateri atau Fuel Cell sahaja. Pengecualian ini tidak terpakai kepada mana-mana kenderaan motor jenis hybrid yang masih mempunyai enjin pembakaran dalaman sama ada dengan sumber petrol mahupun diesel. Permohonan bagi mendapatkan pengecualian ini adalah mulai pada 15 Februari 2022; dan

KENDERAAN MOTOR ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

(ii) Kenderaan Motor milik Orang Kelainan Upaya (OKU). Pengecualian fi LKM sepenuhnya hanyalah terpakai kepada kenderaan motor yang telah diubahsuai khas untuk kegunaan OKU atau bagi kenderaan motor yang tidak diubahsuai, pengecualian hanya kepada Kenderaan Pemasangan Tempatan (CKD) dan Kereta Nasional sahaja. Kenderaan motor terbabit hendaklah didaftarkan dan dilesenkan di atas nama individu OKU tersebut, dan individu OKU hendaklah telah berdaftar serta mempunyai kad OKU yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Pengecualian juga dipanjangkan kepada kenderaan motor yang didaftarkan/dimiliki oleh ibu bapa/penjaga yang berdaftar dan mempunyai anak OKU serta pasangan suami/isteri yang mempunyai pasangan OKU, dengan syarat individu OKU terbabit juga telah berdaftar dengan JKM. Permohonan bagi mendapatkan pengecualian ini adalah mulai pada 15 Mac 2022.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

Mana-mana pemilik kenderaan yang terbabit dengan dua (2) kategori pengecualian di atas yang telah melesenkan kenderaan mereka (LKM baharu atau pembaharuan) mulai 1 Januari 2022 iaitu sebelum daripada tarikh mula permohonan boleh dikemukakan kepada JPJ seperti yang dinyatakan di atas, pemilik kenderaan atau wakil boleh hadir ke kaunter JPJ untuk menyerahkan balik LKM tersebut dan berhak dibayar dengan cara rebat apa-apa amaun sebagaimana yang ditetapkan. Seterusnya, pemilik kenderaan atau wakil boleh memohon bagi mendapatkan pengecualian LKM semula ke atas kenderaan mereka mengikut ketetapan di atas.

Orang ramai boleh menghubungi talian perhubungan khidmat pelanggan JPJ bagi mendapatkan lain-lain maklumat dan perincian mengenai pelaksanaan insentif ini.

MOTOR VEHICLE LICENCE EXEMPTION INCENTIVE FOR PERSONS WITH DISABILITIES (OKU) AND ELECTRIC VEHICLES UNDER 2022 BUDGET

In line with the Government's allocations under the 2022 Budget, I am pleased to announce that the Ministry of Transport through the Road Transport Department (JPJ) will be offering an incentive of full motor vehicle licence fee exemption for the following categories of motor vehicles:

ELECTRIC VEHICLES (EV)

(i) Electric motor vehicles or electric vehicles (EV) will enjoy this exemption from 1 January 2022 to 31 December 2025. This motor vehicle licence exemption is only given to full EV vehicles, whether powered by battery or by fuel cells. This exemption is not applicable to hybrid vehicles which are equipped with either petrol or diesel-powered internal combustion engines. The application for the exemption will begin on 15 February 2022.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

VEHICLES FOR PERSONS WITH DISABILITIES (PWD/OKU)

(ii) Motor vehicles owned by OKU. This motor vehicle licence exemption is only applicable to motor vehicles that have been specially modified for the use of PWD. For motor vehicles that are not specially modified, the exemption is only given for Completely Knocked Down (CKD) vehicles and national cars. Eligible motor vehicles must be registered and licensed under the particular OKU and the OKU must be registered with and in possession of a valid OKU card issued by the Social Welfare Department (JKM). The exemption is also extended to motor vehicles registered and owned by OKU parents/guardians or OKU spouses, with the condition that the OKU is also registered with JKM. The application for this exemption will begin on 15 March 2022.

For any eligible vehicle owners who have already obtained a motor vehicle licence (new or renewed), after 1 January 2022, but before the starting date to apply for either exemption as noted above to JPJ, they or their representative may surrender the motor vehicle licence and be entitled to be paid such a rebate to an amount as may be prescribed. Subsequently, the vehicle owner or representative can proceed to apply for the motor vehicle licence exemption, as noted above.

Members of the public can contact the Road Transport Department customer service for further details and information on the implementation of this incentive.

**DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
14 FEBRUARI 2022**

-TAMAT-

Pertanyaan Media

Hotline 1800-88-7723
Faks +603 8892 0208
E-mel aduan@mot.gov.my

